

26 OCT 2001

IMF-PENETAPAN

IMF: TIADA TEKANAN UNTUK HAPUS ATAU NILAI SEMULA PENETAPAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Seorang pegawai Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) berkata, tidak terdapat tekanan mendesak bagi Malaysia menghapuskan atau menilai semula penetapan ringgit berbanding dolar AS iaitu mekanisme kawalan modal berpilih terakhir negara ini yang masih tinggal lagi.

Mohsin Khan, Pengarah cawangan latihannya, IMF Institute berkata, walaupun eksport Malaysia susut, tetapi import juga turut berkurangan, malah lebih lagi, dan ini membantu mengekalkan imbalan perdagangan positif negara ini.

IMF Institute adalah sebuah jabatan IMF yang melatih pegawai-pegawai kementerian kewangan dan bank pusat.

Mohsin memberitahu pemberita pada Minggu Takaful dan Perbankan Islam di sini, hari ini bahawa perkara yang sebaliknya berlaku di negara-negara serantau yang lain. Negara-negara itu mengalami ketidak seimbangan akaun luar negara yang semakin lebar atau kekurangan rizab.

Malaysia, katanya, mempunyai lebih akaun luar negara dan simpanan rizab asing yang tinggi.

Petunjuk-petunjuk ekonominya juga menunjukkan prospek yang mapan dan cerah. Mohsin mengaitkan keadaan ini kepada dasar-dasar bijak negara ini dalam menangani isu-isu ekonomi.

"IMF sedar bahawa Malaysia melaksanakan pendekatannya sendiri untuk menangani krisis kewangan serantau dengan menggubal dasar yang unik dan berjaya."

Banyak pihak ragu-ragu sama ada dasar-dasarnya akan berjaya, tetapi nampaknya Malaysia telah membuktikan sangkaan mereka yang meragukannya itu meleset, katanya.

"Ini telah dibuktikan dalam laporan IMF yang lalu mengenai Malaysia bahawa ekonominya kukuh," katanya.

Mengenai perkembangan perbankan Islam Malaysia, Mohsin berkata, tidak syak lagi ia merupakan sistem perbankan Islam yang paling berkembang, paling maju dan paling baik kawalan seliaanya di dunia hari ini.

Mohsin berkata, Malaysia jauh mendahului negara-negara lain dalam bidang perbankan Islam manakala negara-negara lain masih belajar daripada pengalaman Malaysia yang melibatkan pendekatan bijak dalam menangani isu-isu kewangan.

Malaysia, katanya, mempunyai konsep maju dan rancangan kukuh, hasil daripada perbincangan dan perundingan antara kerajaan, Bank Negara Malaysia (BNM) dan bank.

Di negara-negara Islam yang lain, kata Mohsin, tindakan dilumpuhkan oleh pembahasan-pembahasan mengenai isu-isu perbankan Islam.

"Tetapi di sini, perbahasan timbul selepas tindakan dilakukan. Ini membolehkan perubahan dibuat ekoran daripada pelaksanaan dasar, bukan menghabiskan banyak masa berbahas tanpa mengambil sebarang tindakan," tambahnya.

Ditanya mengenai sama ada Labuan berpeluang untuk menjadi pusat serantau bagi pembiayaan Islam, Mohsin berkata memang tidak ada pusat serantau yang lain bagi pembiayaan Islam.

"Brunei akan memulakannya, begitu juga Bahrain. Tidak banyak persaingan, dan jika perbankan Islam berkembang pada peringkat antarabangsa, inilah pusat-pusat yang akan menjadi paling penting," katanya.

Menjawab satu soalan, Mohsin berkata beliau tidak fikir Amerika Syarikat tidak berminat terhadap cadangan memantau pengaliran dana.

Idea untuk memantau pengaliran dana telah dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika krisis kewangan serantau sedang memuncak, untuk membanteras spekulator-spekulator yang telah memusnahkan pasaran kewangan.

Mohsin berkata, AS sedar bahawa ia perlu dilakukan tetapi ini mengambil masa kerana sukar untuk mencapai ketepatan.

Tetapi, katanya, AS sedang menuju ke arah itu.

Mohsin berkata, ini bukan disebabkan oleh serangan penganas ke atas mercutanda-mercutanda AS 11 September lalu kerana AS telahpun mula mengesan pergerakan membersihkan wang haram setahun lalu.

Serangan pada 11 September itu, katanya, cuma menjadikannya lebih perlu untuk mengetahui pergerakan dana oleh kumpulan-kumpulan penganas.

Mohsin berkata, IMF tidak pernah menentang cadangan tersebut, cuma ia bimbang dengan hakikat bahawa memantau pengaliran dana merupakan sesuatu yang sukar daripada segi ketepatan. -- BERNAMA

MFZ SHY KY OS